

27/03/1998

NITA akan diperjelas secara terperinci

KUALA LUMPUR, Khamis - Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITA) akan diperjelaskan secara terperinci kepada masyarakat pada Persidangan dan Pameran Teknologi Maklumat Kebangsaan (Infotech/ITX 98), pada 21 hingga 24 April ini.

NITA yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Oktober tahun lalu adalah pelan tindakan teknologi maklumat kebangsaan mencakupi pembangunan insan, prasarana maklumat, pembangunan kandungan dan aplikasi.

Pengerusi Persatuan Industri Komputer Malaysia (Pikom), Shaifubahrim Saleh, berkata oleh kerana NITA membabitkan setiap lapisan masyarakat, program Infotech/ITX 98 memberi penekanan untuk menjelaskannya sama ada ia dibuat secara teori atau praktikal dengan mempertontonkan hasil yang sudah diperolehi.

"Infotech/ITX 98 berusaha mengetengahkan secara menyeluruh program NITA merangkumi pendidikan, pembangunan sumber manusia, pembangunan IT di peringkat individu, syarikat kecil dan sederhana (IKS), kerajaan pusat, kerajaan negeri dan agensi kerajaan.

"Bagi menunjukkan pada rakyat apa yang sudah dihasilkan itu, model yang mewakili individu, agensi kerajaan, kementerian, kerajaan negeri, IKS akan menunjukkan aplikasi dan produk yang sudah dihasilkan," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

(END)